

Kematian kerana kanser

MEROKOK
dikatakan antara
faktor risiko
kanser.



KANSER
ialah sel
abnormal
yang
berkembang
dalam tubuh
manusia.

KES-KES kanser di seluruh dunia diramal bertambah sebanyak 70 peratus dalam tempoh dua dekad akan datang.

Berdasarkan data tahun 2012, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menjangkakan daripada 14 juta kes kanser pada tahun tersebut, bilangannya akan melonjak kepada 25 juta dalam tempoh dua dekad. Terdahulu, pada tahun 2008, 12.7 juta kes kanser dilaporkan. Pada 2012 ia meningkat kepada 14 juta. Pada tahun 2032, WHO menjangkakan ia akan meningkat kepada 25 juta kes dengan separuh daripadanya sebenarnya boleh dicegah.

Dalam satu laporan WHO yang disiarkan di laman organisasi itu baru-baru ini, gabungan pelbagai jenis kanser didapati telah mengorbankan 8.8 juta nyawa penduduk dunia pada tahun 2015.

Kanser ialah satu terma generik bagi sekumpulan besar penyakit yang boleh menyerang mana-mana bahagian badan seperti paru-paru, hati, usus, perut dan payu dara. Terma yang lain ialah tumor malignan.

Salah satu ciri kanser ialah munculnya sel-sel abnormal yang berkembang luar dari kelaziman. Ia bermula pada

Kanser seluruh dunia

8.8 juta
kematian pada 2015

●●●●●●
1 daripada 6
kematian
manusia
berpunca daripada
kanser

No.2 punca
penyebab kematian
selepas penyakit
jantung

+ 70%
kes kanser dalam tempoh 20 tahun

22%
kematian kanser berpunca
daripada tembakau sebagai
faktor utama

Sumber: WHO

RM4.76 trilion
kos kanser di seluruh
dunia pada tahun 2010

Paru-Paru
1,690,000
kematian

Payudara
571,000

30 hingga 50%
kanser boleh
dilakkan
dengan
menghapuskan
faktor-faktor
riskonya

Hati
788,000

5 kanser
paling
berbahaya

Perut
754,000

Usus
774,000

5 faktor utama

- ▶ berat badan berlebihan
- ▶ kurang makan buah dan sayuran
- ▶ kurang aktiviti fizikal
- ▶ tembakau
- ▶ alkohol

© AFP



OBESITI atau berat badan berlebihan turut dikaitkan dengan kanser. – Gambar hiasan

mana-mana bahagian badan sebelum berkembang luas sehingga menjejaskan organ-organ yang lain.

Kanser merupakan pembunuh No.2 manusia di

dunia selepas penyakit jantung. Ia menjadi antara pembunuh utama penduduk dunia dengan 70 peratus kematian dilaporkan di Afrika, Asia dan Amerika Selatan.

“Peningkatan kes kanser di dunia merupakan cabaran yang besar buat pembangunan dan kesejahteraan manusia.

“Angka yang diramalkan ini sebagai petanda yang kuat bahawa tindakan segera perlu diambil untuk melawan malapetaka manusia ini yang melibatkan setiap komuniti di dunia,” kata Pengarah Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa di Perancis, Christopher Wild.